

TALKING POINT  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 7 JANUARI 2010  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan  
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang Hao.

## **TALKING POINT**

Hadirin sekalian,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas limpahan rahmat daripada Nya, kita masih lagi berkesempatan bagi merasai kenikmatan setelah berlalunya hari ke tujuh kita menjejakan kaki di tahun baru 2010 ini. Saya berdoa semoga dengan kesempatan yang diberikan ini, kita akan melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan sebaiknya. Bermulanya kalendar tahun baru ini, inilah pertama kalinya kita dapat berkumpul bagi menjayakan pertemuan kita bersama melalui Perjumpaan Bersama Naib Canselor. Terima kasih kepada anda kerana masih bersama menyokong perjumpaan mingguan yang kita praktikkan selama ini.

Melangkah ke tahun 2010 ini, saya percaya pelbagai keazaman telah dipahatkan dalam diri anda dan saya harap salah satu azam anda pada tahun ini ialah menjadi pekerja yang 'multi tasking' dan pekerja yang cemerlang berbakti kepada UniMAP. Saya sendiri juga dapat merasakan aura semangat baru yang ada di kalangan kakitangan UniMAP

yang saya kasihi ini. Semoga aura ini akan berkekalan sampai bila-bila.

Ladies and gentlemen,

According to **Edith Lovejoy Pierce**, “We will open the book. Its pages are blank. We are going to put words on them ourselves. The book is called Opportunity and its first chapter is New Year's Day”. As we know, 2010 has just begun. I believe everybody has a long list to be executed throughout this year.

Just remember that the Old Year has gone. Let the dead past bury its own dead. *The New Year* has taken possession of the clock of time. All hail the duties and possibilities of the coming twelve months! So get ready to face all the challenges awaits you in 2010. You might have made mistakes in 2009. But don't give up as 2010 will shine you with new hope. Put as many words in your new book as you can to get another chance to get it right this time. As a vice chancellor, I will always support your good action towards the glory of UniMAP. And I do pray and hope that Allah S.W.T will guide and bestow us with His kind blessings. Amin.

Hadirin sekalian,

Bercakap soal cabaran, saya kira semua perkara yang kita rencanakan pada tahun 2010 ini akan menjadi cabaran untuk kita merealisasikannya. Cabaran yang kita perlu tangani ialah dengan memastikan setiap program yang kita anjurkan mencapai objektif dan berjaya dilaksanakan. Oleh itu, saya memerlukan komitmen yang jitu daripada anda sekalian.

Hari ini juga akan berlangsungnya Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP 2009 yang akan berlangsung di Dewan Warisan. Saya pasti program ini akan mencipta sejarahnya yang tersendiri kerana buat pertama kalinya kita akan turut mengadakan Majlis Menandatangani MOA antara UniMAP dan Maxlane Sdn. Bhd yang bertujuan untuk membantu pengkomersialan produk UniMAP.

Maxlane Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk mengkomersialkan produk 'Bulk & Boost Converter Teaching Module' dan 'Single Phase Inverter Training Kit'. Produk ini dicipta dan dibangunkan oleh En. Baharudin b. Ismail , En. Zainuddin b. Mat Isa , En. Mohammad Faridun Naim b. Tajuddin, dan En. Mohd Fayzul b. Mohamad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik. Tahniah dan syabas saya ucapkan kerana kerja keras yang anda lakukan telah membuahkan hasil.

Hadirin sekalian,

Sebenarnya, cabaran tahun baru kita telahpun bermula pada minggu lepas dengan penganjuran MURoC yang bermaksud Malaysia University Robot Competitions ataupun Pertandingan Robot Universiti Malaysia. Pertandingan ini merupakan julung kali diadakan dan UniMAP telah menjadi perintis kepada penganjuran pertandingan robot pada kali ini. Saya percaya di masa akan datang, penganjuran pertandingan ini akan menjadi acara tahunan untuk UniMAP dengan sasaran lebih banyak penyertaan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Untuk makluman anda, sebanyak 170 penuntut yang mewakili 21 pasukan dari tujuh IPTA dan Politeknik telah menyertai pertandingan tersebut yang membabitkan tiga acara iaitu Paintball Robot, Rope Climbing Robot dan Fire Fighting Robot.

Walaupun kita hanya memperolehi tempat ke empat bagi acara Paintball Robot dan Rope Climbing Robot, saya tetap berbangga kerana walaupun sebagai universiti yang baru, kita berjaya juga membuktikan bahawa kita mampu mencipta robot yang dapat melaksanakan tugas yang diberikan. Oeh itu, jangan berputus asa dan secara peribadi, saya percaya yang kita akan memperbaiki kedudukan kita dalam pertandingan MURoC yang akan datang. Insya Allah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya menyeru anda sekalian untuk berusaha menjadikan UniMAP antara institusi yang terulung di persada antarabangsa. Kuatkan tekad dan semangat dalam menghadapi cabaran di tahun baru ini dan semoga kejayaan sentiasa menjadi milik kita.

Sekian,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....